

# PM bangga pencapaian MISC

USA 23 MAY 2002

Daripada  
AHMAD ABDUL HAMID

**N**AGASAKI 22 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bangga dengan kejayaan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) yang kini muncul sebagai pemilik dan pengendali tunggal terbesar kapal pengangkut gas cecair asli (LNG) di dunia.

Katanya, daripada hanya lima kapal pengangkut LNG di bawah siri Tenaga dan penghantaran pertama LNG dari Bintulu ke Pangkalan Gas Sodegaura di Tokyo pada 1983, MISC terus berkembang dan memiliki 13 kapal pengangkut dengan kapasiti 1.36 juta meter padu.

Jumlah ini, katanya, adalah 10 peratus daripada jumlah kapasiti keseluruhan dunia.

Perdana Menteri berucap pada majlis makan tengah hari sempena majlis menamakan Kapal Puteri Intan Satu milik MISC di Nagasaki Prince Hotel di sini.

Sebelum itu, beliau me-

rasmikan pemberian nama kapal itu pada satu majlis di Limbungan Kapal Koyagi milik Perbadanan Industri Berat Mitsubishi (MHI) di sini.

Kapal pengangkut LNG ini merupakan yang pertama dalam siri Puteri Satu dan ke-14 dalam rangkaian kapal pengangkut LNG milik MISC.

Dr. Mahathir berkata, Puteri Intan Satu adalah tanda kejayaan penting MISC dalam bidang perkapalan dan dengan bermulanya perkhidmatan kapal pengangkut baru ini akan terus mengukuhkan kedudukan utama MISC dalam bidang perniagaan kapal pengangkut LNG peringkat global.

"Status ini adalah sesuatu yang harus dibanggakan oleh rakyat Malaysia," kata Perdana Menteri.

Menurutnya, sebagai sebuah negara yang ingin memainkan peranan lebih penting dalam industri perkapalan dunia, Malaysia memerlukan satu rangkaian kapal perdagangan yang dimiliki dan dikendalikan oleh rakyatnya sendiri, selain infra-

struktur marin dan pelabuhan yang efisien, rangkaian pengangkutan yang baik serta kemudahan latihan terkini.

Dalam hubungan ini, beliau memuji MISC kerana berjaya melaksanakan Program Latihan Kadet yang melahirkan pekerja Malaysia yang terlatih untuk memastikan operasi kapal yang licin, efisien dan selamat.

Katanya, beliau gembira kerana Puteri Intan Satu menjadi kapal pertama dalam siri Puteri Satu yang akan dikendalikan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia.

Beliau berharap usaha MISC ini akan menjadi ikutan pemilik dan pengendali kapal lain di Malaysia dalam melahirkan tenaga mahir tempatan yang diperlukan oleh industri perkapalan.

Perdana Menteri berkata, MISC akan terus memainkan peranan penting dalam pembangunan perkapalan negara bagi mencapai matlamat dan aspirasi negara menjadi negara maju menjelang 2020.

Beliau juga gembira kerana bahan buatan Ma-

laysia turut digunakan dalam pembinaan Puteri Intan Satu seperti kotak insulasi untuk tangki kargo kapal dengan menggunakan papan lapis tempatan.

Menurutnya, beliau difahamkan sebuah syarikat di bawah pengawasan Perbadanan Industri Berat Mitsubishi telah ditubuhkan di Malaysia khusus bagi menghasilkan komponen tersebut.

Dr. Mahathir berkata, sekalipun penggunaan bahan tempatan ini hanya merangkumi sebahagian kecil daripada keseluruhan kandungan kapal, pengalaman yang diperolehi daripada projek tersebut akan memberi keuntungan jangka panjang untuk Malaysia, khususnya dalam melahirkan tenaga mahir tempatan.

Tenaga mahir ini pula, katanya, boleh digunakan untuk menggalakkan penggunaan lebih banyak bahan dalam pembinaan kapal siri Puteri Satu yang kini sedang dibina dan juga kapal-kapal lain pada masa depan. —  
*Utusan*